

Headline	Kurangkan kos operasi KLIA RM50 juta setahun		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Jul 2021	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Ekonomi	Page No	31
ArticleSize	382 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 47,042		



Kurangkan kos operasi KLIA RM50 juta setahun

PETALING JAYA: Cooling Energy Supply Sdn. Bhd. (CESSB) telah memulakan operasi dan penyelenggaraan loji penyejukan daerah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 1 Julai lalu.

CESSB adalah syarikat usahasama (JV) antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Ia ditubuhkan tahun lalu bagi membekal tenaga elektrik dan penyejukan kepada lapangan terbang tersebut.

Menurut TNB, CESSB akan menaik taraf loji sedia ada yang berkuasa gas kepada loji menggunakan elektrik sepenuhnya.

“Loji tersebut akan menghasilkan tenaga penyejukan dengan lebih efisien seterusnya mengurangkan kos operasi KLIA sehingga lebih RM50 juta setahun,” katanya dalam kenyataan.

Jelas TNB, di bawah Perjanjian Konsesi 20 tahun yang dimeterai kedua-dua pihak, CESSB akan mengendalikan, menyelenggara dan menaik taraf loji penyejukan daerah sedia ada yang merupakan antara terbesar di Malaysia.

Syarikat usaha sama itu juga akan menjual, mengagih, dan



LOJI tersebut akan menghasilkan tenaga penyejukan dengan lebih efisien. - TNB

membekalkan tenaga elektrik dan penyejukan kepada pelanggan di KLIA dan sekitarnya menggunakan teknologi yang moden, efisien dan berdaya harap, katanya.

Anak syarikat milik penuh

TNB, TNB Engineering Corporation Sdn Bhd (TNEC) memiliki 70 peratus ekuiti dalam CESSB, manakala bakinya dipegang oleh anak syarikat milik penuh MAHB, Airport Ventures Sdn. Bhd.

Pengerusi TNEC, Lim Fu Yen berkata, kerjasama antara TNB dan MAHB melalui CESSB menyerlahkan aspirasi TNB untuk menjadi pembekal terunggul bagi solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa.